

## Krisis Bosnia-Herzegovina 1908: Peranan dan Reaksi Kuasa-kuasa Besar

### Bosnia-Herzegovina Crisis 1908: Roles and Reactions of the Super Powers

AZLIZAN MAT ENH

#### ABSTRAK

*Krisis Bosnia-Herzegovina telah meletus pada tahun 1908. Krisis ini berpunca daripada tindakan Austria-Hungary yang mengisyiharkan Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayarnya yang kekal. Pengisyiharan tersebut dianggap sebagai tidak sah kerana dilakukan tanpa persetujuan rasmi kuasa-kuasa besar Eropah yang menandatangani Perjanjian Berlin 1878. Bosnia-Herzegovina merupakan tanah jajahan Uthmaniah, tetapi akibat daripada pemberontakan 1875-1878, Austria-Hungary telah diberi mandat oleh kuasa-kuasa besar, melalui Perjanjian Berlin 1878, untuk mentadbir Bosnia-Herzegovina secara sementara sehingga keamanan dapat dipulihkan semula di negara tersebut. Kuasa-kuasa besar mempunyai reaksi yang berbeza berhubung tindakan Austria-Hungary tersebut. Rusia dan Turki Uthmaniah menentang keputusan pengambilan Bosnia-Herzegovina secara kekal oleh Austria-Hungary. Manakala kuasa-kuasa besar yang lain, iaitu Britain, Jerman, Perancis dan Itali ingin berpandangan krisis Bosnia-Herzegovina harus diselesaikan dengan segera di meja rundingan. Sekiranya tidak, krisis tersebut bakal mengundang perperangan antara Rusia, Austria-Hungary dan kerajaan Uthmaniah yang masih merupakan pemilik Bosnia-Herzegovina yang sah. Perperangan itu, akhirnya akan mengheret semua kuasa besar Eropah untuk terlibat sama dalam perperangan yang merugikan. Perkara yang ingin dibincangkan di sini adalah reaksi kuasa-kuasa besar terhadap tindakan Austria-Hungary tersebut dan bagaimana kuasa-kuasa besar ini mencari penyelesaian kepada krisis Bosnia 1908 bagi mengelakkan perperangan di Eropah. Seterusnya, makalah ini menyentuh kesan-kesan daripada tindakan Austria-Hungary itu dalam senario politik di Balkan.*

*Kata kunci:* Bosnia-Herzegovina, kuasa besar, krisis, Austria-Hungary, Rusia

#### ABSTRACT

*The crisis in Bosnia-Herzegovina started in the year 1908. The crisis was caused by the Austria-Hungary's action, which declared Bosnia-Herzegovina as part of its permanent empire. The declaration was considered illegal because it was made without the consent of the European super powers who had signed the Berlin Treaty 1878. Bosnia-Herzegovina was Uthmaniah's colony, but due to the rebellion in 1875-1878, Austria-Hungary was given the mandate by the super powers, through the Berlin Treaty of 1878, to temporarily manage Bosnia-Herzegovina, that is until peace can be restored in the country. The super powers had different responses toward Austria-Hungary's action. Russia and Turkey were strictly against the Austria-Hungary decision to control Bosnia-Herzegovina. While other super powers, namely Britain, Germany, French and Italy were of the opinion that the Bosnia-Herzegovina crisis should be immediately settled through negotiation. If the suggestion were not abide, the crisis would invite war between Russia, Austria-Hungary and Turkey government who was still a legal owner of Bosnia-Herzegovina. As a result, the war will drag all the Super Powers to engage in the same detrimental war. The issue that will be discussed here is the Super Powers' reactions toward Austria-Hungary's decision and how they worked out to Bosnia crisis 1908 to avoid war in Europe. Further, this essay touched the effects of the Austria-Hungary's action in political scenario in Balkan.*

*Keywords:* Bosnia-Herzegovina, super powers, crisis, Austria-Hungary, Russia

#### PENDAHULUAN

Pada abad ke-19, Bosnia-Herzegovina merupakan zon konflik yang sering mendapat perhatian kuasa-kuasa besar Eropah yang melihat konflik di Bosnia-Herzegovina sebagai satu peluang untuk mereka mendapatkan keuntungan sekiranya berlaku sebarang perubahan kepada status quo di Eropah. Ini kerana sepanjang abad

ke-19, kerajaan Uthmaniah telah banyak kehilangan wilayahnya di Semenanjung Balkan. Bosnia-Herzegovina telah diserahkan secara sementara kepada Austria-Hungary sejak 1878 apabila kerajaan Uthmaniah dikatakan gagal mengawal konflik di jajahannya itu pada tahun 1875. Setelah berada selama 30 tahun di bawah pentadbiran sementara Austria-Hungary, pada 5 Oktober 1908, kerajaan itu mengambil keputusan mengumumkan bahawa

Bosnia-Herzegovina adalah hak milik kekal kerajaan Austria-Hungary dan sebahagian daripada empayaranya yang sah. Tindakan Austria-Hungary itu telah mencetuskan kontroversi antara kerajaannya dengan kuasa-kuasa besar Eropah yang lain, terutamanya Rusia dan kerajaan Uthmaniah. Seterusnya, perbincangan berikut menyentuh mengenai latar belakang kepada krisis 1908 sebelum membincangkan dengan lebih lanjut tentang reaksi kuasa-kuasa besar berhubung krisis tersebut dan penyelesaiannya.

### LATAR BELAKANG

Rusia mempunyai minat secara langsung ke atas Semenanjung Balkan umumnya dan Bosnia-Herzegovina khususnya. Rusia merupakan penaung kepada masyarakat Kristian jajahan kerajaan Uthmaniah di Balkan. Rusia telah menggunakan kedudukannya sebagai pelindung kepada masyarakat Balkan untuk mengenakan pengaruhnya di Semenanjung Balkan. Antaranya, Rusia merupakan penasihat kepada kumpulan pemberontak Bosnia-Herzegovina yang memberontak terhadap kerajaan Uthmaniah pada 1875. Rusia berjanji kepada penduduk Kristian bahawa Bosnia-Herzegovina akan disatukan dengan Serbia untuk membentuk sebuah negara Slav sekiranya pemberontakan tersebut berjaya. Penyatuan tersebut merupakan satu harapan dan cita-cita golongan Kristian Serb di Bosnia-Herzegovina dan Serbia.

Rusia ingin mengeksplorasi keadaan tersebut supaya dapat memberi tekanan kepada kerajaan Uthmaniah bagi mencapai cita-cita politiknya. Tujuan Rusia adalah untuk menguasai Laut Hitam. Laut Hitam telah diisyiharkan sebagai zon berkecuali bagi semua penempatan kapal-kapal asing melalui Perjanjian Paris 1856 dan diletakkan di bawah kawalan dan jagaan kerajaan Uthmaniah. Kebebasan Rusia menggunakan Laut Hitam adalah penting untuk ekonomi dan pertahanan Rusia. Rusia berharap melalui pemberontakan tersebut, kerajaan Uthmaniah akan meminta kerjasama Rusia sebagai moderator kepada kerajaan Uthmaniah dan pemberontak. Sebagai balasan, Rusia akan menuntut konsesi di Laut Hitam.

Cita-cita Rusia tidak tercapai apabila kuasa-kuasa besar Eropah, iaitu Kerajaan Uthmaniah, Britain, Jerman, Rusia, Austria-Hungary, Perancis dan Itali telah campur tangan dan menyelesaikan konflik tersebut melalui Perjanjian Berlin 1878. Perjanjian tersebut telah dimeterai antara kuasa-kuasa besar Eropah sebagai jalan penyelesaian kepada pemberontakan yang berlaku dalam empayar Daulah Uthmaniah di Bosnia-Herzegovina pada tahun 1875-1878. Perjanjian tersebut telah memberikan Bosnia-Herzegovina untuk ditadbir secara sementara oleh Austria-Hungary. Kerajaan Uthmaniah dinasihatkan membenarkan Bosnia-Herzegovina ditadbir oleh kerajaan Austria-Hungary sehingga keamanan dapat dikembalikan.

Rusia gagal memaksa kerajaan Uthmaniah untuk memberikan konsesi Laut Hitam kepadanya. Keputusan Kuasa-kuasa besar dalam Perjanjian Berlin tidak dipersetujui oleh Rusia, akan tetapi Rusia terpaksa mendiamkan diri.

Kerajaan Austria-Hungary pula berpuas hati dan gembira dengan keputusan Perjanjian Berlin tersebut. Ini merupakan sesuatu yang telah lama dinantikan oleh Austria-Hungary. Austria-Hungary tidak akan membenarkan Rusia mencapai cita-citanya menguasai Laut Hitam sehingga mengorbankan kepentingan Austria-Hungary di Eropah. Antaranya, Austria-Hungary tidak akan mengizinkan penambahan wilayah Slav oleh Rusia di Semenanjung Balkan (Gillard 1984). Pembentukan '*Slav State*' oleh Rusia ini boleh membangkitkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Slav di dalam empayaranya untuk menentang kerajaan Austria-Hungary. Ini kerana kedudukan negaranya bersempadan dengan Bulgaria yang merupakan satelit Rusia di Balkan. Austria tidak akan menyokong Rusia untuk menjadi '*exclusive protector*' dan kuasa utama di Semenanjung Balkan. Kejatuhan Uthmaniah akan menyaksikan kejatuhan Austria-Hungary seterusnya. Austria-Hungary juga mempunyai tanah jajahan di Balkan yang terdiri daripada penduduk berbangsa Slav seperti kerajaan Uthmaniah.

### PENGISYIHKAN AUSTRIA-HUNGARY

Kegagalan mendapatkan Laut Hitam sebelum ini menyebabkan Rusia mencari rakan sekutu yang boleh membantunya menguasai Constantinople. Rusia bersetuju membuat perjanjian sulit dengan Austria-Hungary di Buclau pada 15 September 1908, melalui menteri Luar Rusia, iaitu Alexander Isvolsky dengan menteri luar Austria-Hungary, iaitu Baron Aehrenthal tanpa pengetahuan kuasa-kuasa besar Eropah yang lain. Isvolsky menawarkan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary dan sebagai pertukarannya, Aehrenthal perlu menyokong dan merestui cita-cita Rusia untuk mengawal Constantinople supaya membuka Laut Hitam kepadanya.

Mengikut perancangan Isvolsky, walaupun rundingan antara beliau dan Aehrental adalah sulit, tetapi beliau ingin berunding perkara tersebut terlebih dahulu dengan ahli-ahli Triple Entente iaitu Britain dan Perancis mengenai cadangan tersebut sebelum tindakan dilaksanakan. Ini kerana sebarang pindaan mengenai status quo harus dipersetujui oleh kuasa-kuasa Eropah yang lain. Rancangan Isvolsky gagal, kerana sebelum Rusia bertindak, Aehrenthal telah mengambil tindakan sendiri dengan memaklumkan secara terbuka tentang pengambilan Bosnia-Herzegovina sebagai hak milik kekal empayaranya kepada semua kuasa-kuasa besar Eropah pada 5 Oktober 1908. Tindakan tersebut telah mendapat bantahan daripada Rusia dan kerajaan Uthmaniah. Rusia mengutuk tindakan Austria-Hungary itu kerana dianggap

mengkhianati perjanjian di Buclau. Austria-Hungary telah bertindak terlebih dulu mengikut kepentingannya, dengan membelakangkan kepentingan Rusia yang ingin mendapatkan Laut Hitam. Bagi Uthmaniah pula, Bosnia-Herzegovina adalah hak miliknya yang telah diserahkan secara sementara sahaja kepada Austria-Hungary seperti yang termaktub dalam Perjanjian Berlin.

Tindakan Aehrenthal tersebut bukan sahaja membawa kemarahan kepada Rusia dan Uthmaniah, tetapi membawa kejutan dan kebimbangan kepada kuasa-kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Itali dan kerajaan Uthmaniah. Kuasa-kuasa besar bimbang tindakan Austria-Hungary boleh mengundang peperangan di Eropah kerana tindakan Austria-Hungary itu telah mencabuli Perjanjian Berlin 1878. Sebarang perubahan atau pemindahan wilayah haruslah dilakukan dengan kebenaran semua kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878. Oleh itu, isu tersebut telah mengundang pelbagai reaksi daripada kuasa-kuasa besar Eropah. Kuasa-kuasa besar ingin menyelesaikan krisis Bosnia-Herzegovina 1908 secara rundingan, supaya peperangan dapat dielakkan antara Rusia, Austria-Hungary dan Uthmaniah yang akhirnya akan mengheret kuasa-kuasa Eropah ke medan peperangan.

## REAKSI KUASA-KUASA BESAR

### BRITAIN

Kerajaan Britain memberi amaran bahawa kuasa-kuasa besar akan menyerang Austria-Hungary sekiranya status Bosnia-Herzegovina tidak diselesaikan melalui rundingan dengan semua kuasa Eropah. Kerajaan Britain turut menegaskan bahawa tindakan Austria-Hungary mengambil Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayarnya adalah tidak sah selagi tidak mendapat pengesahan daripada kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878 (FO 421/244, 6 Oktober 1908). Britain inginkan penyelesaian secara aman, terutamanya antara Austria-Hungary dengan kerajaan Uthmaniah.

Britain tidak mempunyai sebarang kepentingan di Bosnia-Herzegovina. Tujuan Britain adalah mengekalkan status quo untuk memastikan tidak berlakunya peperangan yang melibatkan kuasa-kuasa besar ini. Adalah menjadi kepentingan Britain untuk mengelak sebarang bahaya yang boleh mencetuskan perrusuhan, kerana peperangan boleh memusnahkan perdagangan Britain dan perdagangan antarabangsa (FO 421/245: 14 Disember 1908).

Pada masa yang sama, Britain juga tidak mahu menimbulkan sebarang persengketaan dengan sekutu kuat Austria-Hungary, iaitu Jerman. Menentang Austria-Hungary samalah juga seperti memusuhi Jerman. Britain perlu melindungi dirinya daripada Jerman yang kini mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Uthmaniah. Kejayaan Jerman mendapatkan projek untuk

membina landasan keretapi Baghdad telah membimbangkan Britain akan perluasan pengaruh Jerman di Asia Kecil (FO 421/244: 21 Oktober 1908). Britain ingin mengekalkan pengaruh dan kepentingannya di negeri-negeri Asia Kecil. Oleh itu, Britain perlu mengelakkan sebarang provokasi yang boleh mendatangkan ketegangan hubungan di antara Jerman dan Britain. Britain tidak mempunyai kebimbangan terhadap Rusia, kerana Rusia telah tewas dalam perang di Asia semasa menentang Jepun. Oleh itu, Rusia bukan musuh utama Britain. Rusia tidak akan memberi saingan kepada kepentingan Britain di India pada waktu tersebut (FO 421/244: 21 Oktober 1908). Apa yang jelas pada pandangan Britain pada masa ini adalah kepentingannya di Asia memerlukan lebih perlindungan untuk menentang Jerman. Ini adalah kerana kerana pengaruh Jerman yang semakin dominan di Constantinople setelah mendapat projek keretapi Baghdad daripada kerajaan Uthmaniah (FO 421/244: 21 Oktober 1908).

Dasar Britain yang mementingkan keamanan ini adalah jelas dalam menghadapi krisis Bosnia-Herzegovina pada tahun 1908 ini. Walaupun Rusia melalui Menteri Luarnya, M. Isvolsky, telah meminta kerjasama Britain untuk menentang tindakan Austria-Hungary, namun Britain hanya dapat menyatakan rasa simpatinya ke atas Rusia. Britain menegaskan bahawa polisi Britain adalah mementingkan keamanan dan menasihatkan Rusia agar tidak menaruh harapan kepada Britain untuk menentang keputusan Austria-Hungary (FO 421/244: 14 Oktober 1908). Isvolsky merasa kecewa kerana Rusia adalah sekutu Britain dan Perancis dalam Pakatan Tiga Kuasa yang ditandatangani pada 1907, tetapi gagal mendapat sokongan Britain menghadapi Austria-Hungary.

Britain berminat menjalinkan hubungan baik dengan Rusia. Tujuan Britain adalah untuk menyekat cita-cita dan rancangan Rusia membuat penjelajahan ke Asia dan Timur Tengah (Gooch & Temperly 1967). Cita-cita Rusia ini boleh menggugat empayar Britain yang mempunyai banyak kepentingan di sana. Oleh itu, demi mententeramkan Rusia dalam krisis Bosnia 1908, Britain telah menyatakan kesanggupannya untuk memikirkan pemberian konsesi di Laut Hitam kepada Rusia. Ini diharapkan dapat membatalkan minat Rusia untuk menjelajah Asia. Isu selat merupakan faktor yang merenggangkan hubungan kedua-dua kuasa itu sejak dua generasi lamanya. Laut Hitam adalah nadi kepada pertahanan, strategik dan ekonomi Rusia yang telah ditutup kepada semua kapal-kapal asing selepas termeterainya Perjanjian Paris 1856, ekoran kekalahan Rusia di tangan Britain, Austria-Hungary dan Uthmaniah dalam Perang Crimea 1853-1856. Namun, Edward Grey, iaitu Setiausaha Luar Britain, tidak berjanji secara rasmi kepada Rusia. Ini kerana Rusia menuntut supaya selat-selat tersebut dibuka kepada kapal Rusia sahaja, dan menutup laluan di Laut Hitam kepada semua kapal lain, termasuk dari Britain sendiri. Ini adalah sesuatu yang mustahil kepada Grey untuk bersetuju. Pertama, sekiranya Grey bersetuju dengan tuntutan Rusia, ini

bermakna kapal Britain yang melalui Laut Hitam akan berada di bawah pemantauan Rusia dan ini akan mendedahkan kapal Britain kepada bahaya serangan laut dari Rusia. Kedua, beliau akan mendapat tentangan daripada rakyat Britain sendiri terhadap kerajaannya kerana tunduk kepada tuntutan Rusia. Oleh itu, Grey meminta tempoh masa untuk memutuskan permintaan Rusia itu. Britain sememangnya ingin menjalinkan hubungan yang baik berbaik dengan Rusia dengan memperkenankan tuntutan Rusia itu, tetapi dari satu segi yang lain, Grey juga turut memikirkan risiko yang bakal dihadapi oleh kerajaannya sekiranya tuntutan Rusia itu dipenuhi (Gooch & Temperly 1967: 279).

Britain turut menyedari bahawa tindakan Austria-Hungary itu telah mencabuli Perjanjian Berlin 1878 dan membawa tekanan kepada kerajaan Uthmaniah. Britain ingin menyelesaikan isu tersebut secara aman dan telah bertindak sebagai pengantara di antara Austria-Hungary dengan kerajaan Uthmaniah. Britain telah menasihatkan kerajaan Austria-Hungary supaya membayar gantirugi kepada kerajaan Uthmaniah kerana tindakannya mengambil Bosnia-Herzegovina daripada hak milik kerajaan Uthmaniah (FO 421/245:14 Disember 1908). Menurut Britain lagi, langkah tersebut adalah wajar kerana kerajaan Uthmaniah mengalami kerugian akibat kehilangan wilayahnya itu kepada Austria-Hungary.

Britain mengadakan pertemuan dengan kerajaan Uthmaniah dan menasihati kerajaan Uthmaniah supaya menerima bayaran gantirugi daripada kerajaan Austria-Hungary dan menyerahkan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary (FO 421/249: 7 Januari 1909). Britain amat bersympati dengan situasi yang sedang dialami oleh kerajaan Uthmaniah. Ini kerana keadaan kerajaan Uthmaniah begitu kritikal ketika ini. Kerajaan Uthmaniah, pada masa yang sama sedang berhadapn dengan reformasi yang sedang dilaksanakan dalam negara di samping berusaha untuk mengekalkan integriti di dalam empayarnya. Pada pendapat Britain, kerajaan Uthmaniah amat memerlukan wang dan masa untuk menjamin kestabilan pemerintahan mereka di dalam dan di luar negara. Sekiranya, kerajaan Uthmaniah mengambil keputusan berperang dengan Austria-Hungary, ini akan menyulitkan lagi keadaan kerajaan Uthmaniah. Menurut Britain lagi, perperangan hanya akan menghabiskan masa dan wang yang banyak. Britain telah menasihati kerajaan Uthmaniah bahawa wang tersebut lebih baik digunakan untuk kepentingan dalam empayarnya (FO 421/249: 7 Januari 1909).

Britain akhirnya menyokong pengambilan Austria-Hungary ke atas Bosnia-Herzegovina, kerana dengan pengambilan tersebut sahaja Austria-Hungary dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan dan menjamin institusi berperlembagaan ke atas Bosnia-Herzegovina (FO 211/244: 30 Oktober 1908). Oleh yang demikian, Britain tidak akan menentang usaha Austria-Hungary untuk mencari jalan penyelesaian dengan kerajaan Uthmaniah.

#### JERMAN

Tindakan Austria-Hungary menduduki Bosnia-Herzegovina turut menimbulkan kemarahan di pihak Jerman. Jerman mendakwa bahawa Jerman tidak dimaklumkan terlebih dahulu tentang tindakan Austria-Hungary dan Jerman tidak membantu Austria-Hungary dalam isu pengambilan Bosnia-Herzegovina (FO 371/551: 7 Oktober 1908). Jerman berada dalam keadaan dilema apabila terpaksa menyatakan keputusannya terhadap tindakan Austria-Hungary. Jerman terpaksa memilih antara sekutu politiknya, iaitu Austria-Hungary atau rakannya, kerajaan Uthmaniah. Ini kerana Jerman mempunyai kepentingan ke atas kedua-dua kuasa-kuasa besar itu.

Di pihak kerajaan Uthmaniah, Jerman ingin mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan kerajaan tersebut. Ini kerana Jerman telah diberikan kontrak pembinaan jalan keretapi Baghdad yang bernilai sejumlah 600,000 pound sterling setahun daripada kerajaan Uthmaniah (FO 371/553). Oleh itu, sokongannya terhadap tindakan kerajaan Austria-Hungary boleh menggugat hubungan baiknya dengan kerajaan Uthmaniah. Bagi mengelakkan perselisihan faham di antara Jerman dan kerajaan Uthmaniah, kerajaan Jerman telah mengutuskan surat rasmi kepada kerajaan Uthmaniah menjelaskan bahawa Jerman tidak mempunyai sebarang pakatan awal dengan kerajaan Austria-Hungary mengenai peristiwa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina (FO 371/551: 9 Oktober 1908).

Bagi menyatakan simpati Jerman ke atas kerajaan Uthmaniah, Putera Bulow, iaitu Canselor Jerman dan Perdana Menteri Prussia dari 17 Oktober 1900 hingga 14 Julai 1909, telah mendesak kuasa-kuasa besar supaya memberikan sokongan moral kepada kerajaan Uthmaniah berkaitan krisis Bosnia-Herzegovina. Malah, menurut beliau lagi, Jerman mempunyai pelaburan dan perdagangan yang besar di Turki. Oleh itu, apa yang Jerman inginkan adalah untuk menjamin kestabilan dan keamanan politik di Turki (FO 371/552: 14 Oktober 1908).

Namun, di satu pihak yang lain pula, Jerman terpaksa menilai kesetiaan Austria-Hungary sebagai sekutu tradisi Jerman. Tambahan pula, Jerman telah mengikat perjanjian dengan Austria-Hungary dan Itali dalam Perikatan Tiga Kuasa atau '*Triple Alliance*' pada tahun 1882. Selain itu, semangat setia kawan dan jasa yang telah diberikan oleh Austria-Hungary kepada Jerman memang tidak dapat dipertikaikan lagi. Jerman juga tidak dapat melupakan kesetiaan dan sokongan yang diberikan oleh Austria-Hungary kepada Jerman mengenai tuntutan Jerman ke atas Maghribi dalam konferen di Algeria pada 1906. Konferen yang berlangsung di Algeria pada 1906 itu telah dihadiri oleh Jerman, Austria-Hungary, Perancis, Britain dan Amerika Syarikat. Konferen ini berlangsung atas permintaan Jerman untuk menjelaskan status Maghribi. Ini kerana Jerman bimbang dengan perluasan kuasa Perancis di Maghribi. Oleh itu, dalam konferen di Algeria, Jerman telah menuntut supaya Maghribi kekal sebagai

negara yang merdeka dan tuntutan Perancis yang meletakkan Maghribi sebagai koloni Perancis adalah tidak sah. Keputusan Jerman ini disokong oleh Austria-Hungary, sementara tuntutan Perancis ke atas Maghribi pula disokong oleh Britain, Rusia dan Amerika Syarikat. Perancis telah diberi persetujuan oleh Britain untuk meluaskan pengaruhnya di Maghribi melalui pakatan Britain-Perancis 1904. Dalam konferen ini, pada dasarnya Jerman berjaya dalam tuntutannya untuk mengekalkan kemerdekaan Maghribi, manakala Perancis dengan sokongan sekutunya telah dapat meletakkan pengaruhnya di Maghribi dengan mendapat keistimewaan untuk mengawal keselamatan dan ekonomi Moroko.

Bagi Jerman, hubungan di antara kerajaannya dengan Austria-Hungary lebih mempunyai nilai instrumental kerana telah wujud keamanan di antara kedua-duanya sejak 30 tahun yang lalu melalui Perjanjian Perikatan Dua Kuasa (FO 371/551: 6 Oktober 1908). Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh kedua-dua kuasa itu pada tahun 1879 dan merupakan perjanjian yang berbentuk militeri. Perjanjian Perikatan Dua Kuasa (1879) antara Jerman dan Austria-Hungary adalah perjanjian pertahanan yang mana kedua-dua kuasa itu bersetuju untuk membantu pihak yang satu lagi sekiranya salah satu daripada kuasa itu diserang oleh musuh.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tersebut, Jerman merasakan adalah perlu baginya berada bersama-sama Austria-Hungary dalam krisis Bosnia-Herzegovina. Oleh yang demikian, Jerman telah menyatakan sokongan penuhnya terhadap pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh sekutunya itu. Seperti yang dikatakan oleh duta Jerman di Vienna:

Germany must naturally give her full support to Austria-Hungary, though in some respects the latter's action in annexing Bosnia and Herzegovina had caused Germany inconvenience ... (FO 371/553: 17 Oktober 1908).

Jerman juga telah meminta supaya pihak yang menentang tindakan Austria-Hungary, iaitu Rusia dan Serbia supaya menerima keputusan tersebut. Jerman juga tidak mahu sebarang persengketaan di Eropah dan mengharapkan krisis Bosnia-Herzegovina dapat diselesaikan dengan baik. Duta Jerman di Vienna, iaitu Her Von Tschirschky, juga menegaskan bahawa Jerman tidak akan terlibat dengan Austria-Hungary sekiranya kerajaan itu menyerang Serbia atau Rusia. Sebaliknya, Jerman tidak akan teragak-agak mengangkat senjata membantu Austria-Hungary sekiranya Serbia atau Rusia yang menentang keras keputusan pengambilan Bosnia-Herzegovina menyerang kerajaan Austria-Hungary (FO 421/250: 24 Mac 1909).

Selain itu, Jerman menginginkan penyelesaian secara aman kerana bimbang akan pengaruh Britain dalam kerajaan Uthmaniah. Krisis Bosnia-Herzegovina ini akan memberi peluang kepada Britain untuk mendominasi pengaruhnya di Turki kerana setelah Jerman menyertai tindakan Austria-Hungary, Britain merupakan satu-

satunya kuasa besar yang mempunyai rekod hubungan yang baik dengan kerajaan Uthmaniah. Tambahan pula, perasaan tidak puas hati Britain terhadap kejayaan Jerman mendapatkan kontrak pembinaan landasan keretapi Baghdad oleh kerajaan Uthmaniah, membimbangkan Jerman. Jerman ingin berbaik-baik dengan kerajaan Uthmaniah untuk meletakkan pengaruh Jerman di Constantinople. Oleh itu, sebarang perperangan akan menghancurkan cita-cita Jerman.

Jerman juga bimbang dengan polisi Britain yang sering mengambil kesempatan di atas konflik yang berlaku di Balkan untuk kepentingan Britain. Sekiranya berlaku sebarang konflik di antara kuasa-kuasa besar dalam penyelesaian krisis Bosnia-Herzegovina, Britain akan menggunakan pengaruhnya di Konstaniah untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di antara kerajaan Uthmaniah dan Austria-Hungary. Sebagai balasannya, Jerman bimbang, Britain akan menyempurnakan citacitanya untuk mengambil Mesir dan Cyprus daripada kerajaan Uthmaniah yang telah lama Britain ingin menguasai. Selain itu, bagi melindungi laluannya ke India, Britain juga akan mengesahkan bahawa mereka adalah pelindung kepada seluruh negara Arab dan Mesopotamia (FO 371/553: 17 Oktober 1903). Ini semata-mata untuk melindungi kepentingan Britain di Timur. Sekiranya pengaruh Britain berleluasa di Turki, ini amat tidak disenangi oleh Jerman. Tujuan Jerman adalah agar dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan mana-mana kuasa yang memerintah kerajaan Uthmaniah. Selain itu, Jerman juga bimbang akan pakatan Britain dengan Rusia dalam ‘Konvensyen Anglo-Russian’ yang telah ditandatangani pada 31 Ogos 1907 dan menyentuh mengenai kepentingan Britain di Persia. Konvensyen ini bertujuan mencari persetujuan bagi mengelakkan salah faham antara kedua-dua kuasa mengenai konflik mereka di wilayah yang luas di Asia, iaitu dari India ke Persia hingga ke Afganistan. Konvensyen tersebut telah menghasilkan persetujuan antara Britain dan Rusia mengenai kawasan pengaruh masing-masing di mana Rusia memperolehi bahagian utara Persia, Tehran, Isfahan, Tabriz dan Meshed, manakala Britain pula memperolehi bahagian selatan dan timur Persia, iaitu merangkumi Bandar Abbas hingga ke Teluk Persia, sempadan India-Persia dan sempadan Persia-Afganistan. Sementara Afganistan pula diisyiharkan sebagai zon berkecuali dan Rusia mengesahkan bahawa zon tersebut adalah di luar lingkungan kepentingan dan pengaruh Rusia. Pakatan kedua-dua kuasa ini boleh membahayakan kedudukan Jerman. Oleh itu, sebarang persengketaan di Eropah perlu dielakkan dan krisis Bosnia perlu ditangani dengan baik.

Selain itu, sebagai menyokong tindakan Austria-Hungary, Jerman mengatakan bahawa Uthmaniah tidak mengalami kerugian atau lemah kerana kehilangan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary kerana wilayah tersebut telah lama berada di bawah pentadbiran Austria-Hungary.(FO 421/244: 9 Oktober 1908).

## RUSIA

Rusia melalui Menteri Luarnya, M. Isvolsky, menerima tumparan paling hebat akibat pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary. Beliau tidak menyangka bahawa perbincangan di Buclau dengan Menteri Luar Austria-Hungary, Baron D Aehrenthal, akan membawa penggabungan yang begitu cepat di antara Bosnia-Herzegovina dengan empayar Austria-Hungary. Beliau menjangkakan bahawa perbincangan tersebut adalah suatu bentuk persediaan dan persetujuan jangka panjang (FO 421/244: 14 Oktober 1908). Namun, keputusan Aehrenthal mengumumkan pengambilan Bosnia-Herzegovina membawa kepada penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh Rusia dari segi moral dan kekalahan diplomatik kepada Austria-Hungary. Apa yang lebih memalukan ialah kekalahan moral itu telah menjelaskan penghormatan yang diberikan kepada Rusia untuk melindungi kepentingan Slav dan pengorbanan Rusia yang selama ini berjuang untuk kepentingan negeri-negeri Slav di Balkan (FO 421/250: 29 Mac 1908).

Beliau telah mengutuk dasar agresif Austria-Hungary yang mencabuli Perjanjian Berlin 1878. Beliau menduduh bahawa perbincangan mereka mengenai Bosnia-Herzegovina adalah disampaikan dalam keadaan yang berbelit-belit dan sukar difahami apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Aehrenthal (FO 421/244: 14 Oktober 1908). Beliau juga menganggap bahawa Aehrenthal tidak berlaku jujur dengan mengumumkan bahawa Rusia tidak akan membantah pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary. Ini kerana Rusia tidak pernah menyatakan persetujuannya untuk membenarkan Austria-Hungary bertindak sendirian dalam isu Bosnia-Herzegovina. Apa yang ditekankan oleh Isvolsky ialah Austria-Hungary perlu mendapatkan persetujuan semua kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam perjanjian Berlin untuk merubah semula kedudukan atau status Bosnia-Herzegovina (FO 421/244: 14 Oktober 1908).

Selain itu, Isvolsky hanya menganggap apa yang dibincangkan oleh mereka berdua di Buclau adalah sekadar bertukar-tukar pandangan dan pendapat memandangkan Rusia dan Austria-Hungary mempunyai minat dan kepentingan yang sama di negeri-negeri Balkan. Lantaran itu, Rusia menyatakan bahawa pihaknya tidak akan membantah tindakan Austria-Hungary menduduki Bosnia-Herzegovina dan sebagai balasan, Austria-Hungary perlu menyokong Rusia untuk mendapatkan konsesi menduduki Laut Hitam (FO 421/244: 14 Oktober 1908). Oleh itu, Rusia mencadangkan supaya perbincangan mereka itu dipanjangkan kepada pengetahuan Paris dan London. Namun begitu, tindakan Austria-Hungary mengambil Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayarnya, jauh lebih awal daripada yang dijangkakan, benar-benar telah memeranjatkan Isvolsky.

Manakala di pihak kerajaan Rusia pula, dasar Isvolsky ini mendapat penentangan yang hebat. Ini kerana

perbincangan di antara Isvolsky dan Aehrenthal bukanlah mewakili pendapat kerajaan Rusia, tetapi adalah berdasarkan pendapat peribadi Isvolsky. Mereka mempertikaikan tentang kesanggupan Isvolsky menyerahkan penduduk Slav di Bosnia-Herzegovina kepada kerajaan Magyar.

Tindakan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina, telah mencetuskan kebangkitan dan kemarahan dalam kalangan rakyat terhadap Isvolsky dan kerajaan Austria-Hungary. Namun begitu, Rusia belum bersedia untuk bertembung semula di medan peperangan (FO 421/241: 11 Disember 1908). Rusia bukan sahaja lemah dari segi ketenteraan untuk menghadapi peperangan pada masa ini, tetapi kekalahannya dengan Jepun turut menyebabkan politik dan ekonomi Rusia musnah. Rusia sendiri memerlukan masa untuk memulihkan semula keadaan politik terutamanya memperkuatkan semula angkatan tentera Rusia (FO 421/249: 25 Disember 1908).

Keadaan ini menyebabkan tidak ada sesiapa di Rusia yang inginkan peperangan. Malahan, peperangan dengan Austria-Hungary akan melibatkan sekutu kuatnya iaitu Jerman. Ini akan menyebabkan peperangan menjadi semakin serius kepada Rusia. Seperti kata-kata yang dipetik oleh Isvolsky kepada Nicolson ... *No one in Rusia desired a war: in fact with Germany on the side of Austria-Hungary, a war would be a most serious matter...* (FO 421/249: 15 Disember 1908).

Oleh yang demikian, kelemahan Rusia ketika ini secara tidak langsung merupakan suatu yang malang kepada bangsa Slav di seluruh negara yang mengharapkan Rusia sebagai empayar yang berkuasa untuk mereka bernaung dan memperjuangkan kebebasan Slav (FO 421/249: 25 Disember 1908). Selain itu, kegagalan diplomatik Isvolsky dalam krisis Bosnia, menyebabkan beliau menamatkan kariernya dan meletakkan jawatan sebagai Menteri Luar Rusia pada tahun 1909.

## UTHMANIAH

Semasa Aehrenthal mengumumkan penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Austria-Hungary, kerajaan Uthmaniah baru sahaja tamat revolusi Gerakan Turki Muda, yang meletus pada Julai 1908. Oleh yang demikian, keadaan politik kerajaan Uthmaniah berada dalam keadaan yang kucar kacir dan masih mengelirukan.

Tindakbalas yang pertama dilakukan oleh kerajaan Uthmaniah semasa menerima keputusan Austria-Hungary mengenai pengambilan wilayah Bosnia-Herzegovina ialah mengumumkan bahawa tindakan Austria-Hungary itu tidak akan diiktiraf oleh kerajaan Uthmaniah (FO 421/244: 29 Oktober 1908). Ini kerana Austria-Hungary hanya diberikan mandat untuk menduduki dan melaksanakan reformasi kepada wilayah tersebut yang masih sah di bawah kedaulatan dan naungan Sultan. Tambahan pula, tindakan Austria-Hungary ini juga telah mencabuli Perjanjian Berlin 1878.

Di Turki, rakyat telah melaksanakan mogok terhadap pengimportan dan penggunaan barang-barang dari Austria-Hungary sebagai protes terhadap tindakan Austria-Hungary itu (FO 421/245: 25 November 1908). Tindakan mogok ke atas barang-barang dari Austria-Hungary telah membawa kerugian kepada kerajaan Austria-Hungary. Kerajaan Austria-Hungary telah mendesak supaya pihak berkuasa kerajaan Uthmaniah menghentikan tindakan memboikot barang daripada Austria-Hungary. Namun begitu, permintaan kerajaan Austria-Hungary tidak mendapat perhatian dan tiada sebarang usaha yang diambil oleh kerajaan Uthmaniah untuk menyelesaikan masalah tersebut (FO 421/245: 25 November 1908). Sebaliknya, kerajaan pula telah memberikan inisiatif dan sokongan kepada tindakan memboikot barang-barang Austria-Hungary di Turki. Keadaan ini telah mewujudkan persaingan terhadap barang-barang Austria-Hungary, sebaliknya membuka peluang yang baik kepada barang-barang dari negara lain, terutamanya Britain. Britain turut memberi sokongan kepada gerakan memboikot barang Austria-Hungary kerana tindakan itu menyebabkan import dari Britain menjadi alternatif dan pilihan menggantikan barang-barang dari Austria-Hungary (FO 421/245, 24 November 1908). Ini memberi pasaran dan perniagaan yang baik kepada Britain.

Rakyat Turki juga turut mengadakan tunjuk perasaan gerakan anti Austria di pejabat kedutaan British di Haifa (FO 421/245: 10 Disember 1908). Selain itu, mereka turut mengadakan tunjuk perasaan anti Austria dan Jerman di Constantinople. Tunjuk perasaan anti Austria dan Jerman ini bertujuan menyelar dan membantah kaedah dan cara yang diambil oleh Baron Aehrenthal untuk mencapai tujuan politiknya di Bosnia-Herzegovina. Reaksi yang ditunjukkan oleh rakyat Turki ini telah menimbulkan hubungan yang tegang di antara kerajaan Uthmaniah dengan kerajaan Austria-Hungary.

#### ITALI DAN PERANCIS

Itali mengumumkan bahawa kerajaannya juga berada dalam kedudukan dilema dengan keputusan dan tindakan Austria-Hungary itu. Walau bagaimanapun, kerajaannya tidak berhasrat untuk menentang tindakan Austria-Hungary. Tambahan pula Itali adalah salah satu sekutu Perikatan Tiga Kuasa (*Triple Alliance*) bersama Austria-Hungary dan Jerman. Selain itu, Itali juga tidak akan mengambil apa-apa tindakan yang boleh mencetuskan kebangkitan dalam kalangan kuasa-kuasa Eropah (FO 421/244: 14 Oktober 1909).

Kerajaan Perancis tidak berminal untuk melibatkan diri dalam krisis di Bosnia-Herzegovina. Walau bagaimanapun, kerajaan Perancis bersetuju bahawa pengiktirafan kepada perubahan sebarang perjanjian mestilah dengan persetujuan kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878.

#### PENYELESAIAN KRISIS BOSNIA-HERZEGOVINA 1908

Konflik antara Serbia dan Austria-Hungary memang tidak dapat die'lakkan. Serbia enggan mengiktiraf penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan empayar Austria-Hungary. Serbia mempunyai harapan bahawa perjuangan mereka disokong oleh Rusia. Serbia juga mempunyai keyakinan bahawa Rusia akan memberi bantuan dan keperluan kepada mereka sekiranya meletus perang dengan Austria-Hungary. Mereka mengatakan bahawa adalah lebih baik mereka mati daripada menyerahkan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary.

Oleh yang demikian, reaksi Serbia ini menimbulkan keimbangan kepada kuasa-kuasa besar akan tercetusnya perang di antara Serbia dan Austria-Hungary. Tambahan pula, pada masa yang sama Rusia juga bimbang, kerana tidak mampu untuk memberi bantuan material dan ketenteraan kepada Serbia seperti yang diharapkan oleh Serbia. Ini kerana Rusia sendiri memerlukan masa beberapa tahun lagi untuk kembali stabil. Namun begitu, bagi memartabatkan semula maruahnya dan kekalahan Rusia, Isvolsky telah menyusun perbincangan dengan kerajaan Perancis di Paris pada 5 Oktober dan kemudiannya di London pada 12 Oktober 1908. Rusia juga ingin menunjukkan sokongannya terhadap Serbia di samping Rusia sendiri mengharapkan konsesi pembukaan Laut Hitam sebagai balasan daripada tindakan Austria-Hungary itu. Oleh yang demikian, Rusia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan konferen dengan semua kuasa-kuasa besar berhubung krisis Bosnia-Herzegovina pada Oktober 1908. Antara lain cadangan yang dikemukakan oleh M. Isvolsky ialah seperti berikut (FO 421/244: 12 Oktober 1908):

1. Membawa kes Bosnia-Herzegovina ke mesyuarat kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Rundingan Berlin 1878, untuk membincangkan isu penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan empayar Austria-Hungary.
2. Memberi konsesi kepada Serbia seperti yang dituntut oleh Serbia dalam peta yang telah ditunjukkan kepada Britain.
3. Membincang semula mengenai pembukaan Laut Hitam kepada kapal-kapal Rusia.

Pada 12 Oktober 1908, Isvolsky telah pergi ke London untuk bertemu dengan Setiausaha Luar Britain, iaitu Edward Grey. Isvolsky telah merayu kepada kerajaan Britain supaya membantu Rusia memperolehi konsesi di Laut Hitam dan Selat Dardanelles (FO 421/244: 12 Oktober 1908). Namun, usaha Isvolsky menemui kegagalan apabila Grey tidak bersetuju memberikan konsesi Laut Hitam kepada Rusia kerana ini bercanggah dengan pendirian kabinet Britain dan melanggar Perjanjian Paris 1856. Isvolsky yang kecewa dengan keputusan Britain telah mengingatkan Britain, bahawa sekiranya Rusia berjaya

memujuk Turki untuk merubah perjanjian yang berkaitan dengan urusan Laut Hitam, Britain tidak mempunyai hak untuk menghalang. Selain itu, Britain juga tidak berminat untuk memenuhi tuntutan Rusia supaya memberikan gantirugi kepada Serbia. Ini kerana Britain tidak melihat sebarang sebab yang mengharuskan pemberian pampasan kepada kerajaan itu.

Bagi Austria-Hungary pula, beliau tidak bersetuju untuk membawa isu penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Austria-Hungary ke mesyuarat kuasa-kuasa besar. Menurut Aehrenthal isu Bosnia-Hezergovina tidak wajar dipertikaikan lagi memandangkan wilayah tersebut telahpun berada di bawah pentadbiran Austria-Hungary selama 30 tahun lebih. Oleh itu isu Bosnia-Hezregovina seharusnya dipersejui sebagai '*fait de comply*', pengambilan Bosnia-Herzegovina adalah sah dan tidak boleh dibicarakan lagi. Kenyataan Aehrenthal ini mendapat restu daripada Britain dan Britain juga mendakwa bahawa Bosnia-Herzegovina telah lama berada di bawah pentadbiran Austria-Hungary dan oleh itu, wajar bagi Austria-Hungary mengambil wilayah tersebut sepenuhnya. Namun begitu, Grey mengingatkan Aehrenthal bahawa kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878 perlu mengesahkannya.

Pada masa yang sama, Isvolsky berusaha pula untuk mengagalkan usaha Aehrenthal. Rusia ingin mengadakan hubungan yang baik dengan kerajaan Uthmaniah. Tujuannya adalah untuk menyokong kerajaan Uthmaniah menolak tuntutan Austria-Hungary ke atas Bosnia-Herzegovina. Pada masa yang sama, beliau ingin memujuk kerajaan Uthmaniah supaya mengkaji semula perjanjian yang berkaitan dengan Laut Hitam. Kerajaan Uthmaniah pula pada masa tersebut, tidak berminat dan enggan membuka sebarang persoalan yang berkaitan dengan Laut Hitam dan Selat Dardanelles (FO 421/244: 15 Oktober 1908). Oleh yang demikian, secara tidak langsung usaha Isvolsky untuk mendapatkan sokongan Uthmaniah dalam krisis Bosnia-Herzegovina juga tidak mendatangkan hasil yang positif. Kerajaan Perancis yang beliau temui pada 5 Oktober 1908 di Paris, juga enggan memberikan sokongannya kepada Rusia. Perancis hanya akan berdiri seiringan dengan Britain dalam krisis Bosnia-Herzegovina. Ini kerana, Perancis menyedari bahawa kerajaan Jerman sentiasa berada di belakang Austria-Hungary. Perancis tidak mahu menimbulkan persengketaan baru dengan Jerman, setelah selesai masalah di Moroko yang melibatkan kedua-dua kuasa itu pada tahun 1906 (FO 421/250: 14 Februari 1909). Tambahan pula Perancis ingin menumpukan kepentingannya di Afrika.

Oleh yang demikian, usaha-usaha Isvolsky untuk menarik perhatian kuasa-kuasa besar mengenai pembukaan Laut Hitam telah menemui kegagalan. Apa yang jelas, tindakan Aehrenthal telah mengecewakan Isvolsky dan kerajaan Rusia. Namun, Rusia sendiri mengharapkan penyelesaian secara aman kerana Rusia tidak bersedia untuk menghadapi perperangan dengan

Austria-Hungary. Kerajaan Jerman pula telah memberi kata dua kepada Rusia sama ada menyokong Austria-Hungary atau mengisyiharkan perang ke atasnya (FO 421/250: 23 Mac 1909). Rusia sememangnya tidak mampu untuk menentang kedua-duanya sekaligus, iaitu kuasa Jerman dan Austria-Hungary.

Kerajaan Britain juga meminta kerjasama Rusia supaya memujuk kerajaan Serbia agar mengesahkan tindakan Austria-Hungary dan menghentikan permusuhan dengan Austria-Hungary (FO 421/250: 22 Mac 1909). Ini kerana pendedahan yang lama krisis Bosnia Hezergovina ini, boleh membawa perperangan di Eropah. Tambahan pula Serbia telahpun bersiap sedia menghantar tenteranya untuk menimbulkan rusuhan di sempadan Bosnia-Herzegovina.

Oleh yang demikian, Rusia tidak mempunyai pilihan selain terpaksa bersetuju dan meminta Serbia supaya menyatakan sokongan kerajaan tersebut kepada Austria-Hungary. Rusia turut mengingatkan Serbia supaya jangan berperang dengan Austria-Hungary kerana Rusia tidak akan dapat membantu Serbia. Walau bagaimanapun, Rusia akan tetap memberikan sokongan diplomatik kepada Serbia, selagi Serbia tidak melaksanakan dasar agresifnya ke atas Austria-Hungary.

The Russian Government would give their diplomatic support to Servia, provided that Servia did not embark on aggressive policy or assume a provocative attitude, but that Servia could not count on her armed support ... (FO 421/241: 17 November 1908).

Rusia turut memberi amaran kepada Serbia bahawa sekiranya meletus perperangan di antara Serbia dan Austria-Hungary, Serbia akan sendirian dalam perperangan tersebut, bukan sahaja tanpa bantuan Rusia tapi juga mana-mana kuasa besar. Pada mulanya, Serbia ingin meneruskan perperangan menentang Austria-Hungary. Bagi mereka adalah lebih baik mereka mati dalam perperangan daripada melihat saudara sebangsa mereka dijajah oleh Kristian Katolik. Walau bagaimanapun, amaran daripada Rusia itu membawa berita yang mendukacitakan kepada Serbia. Ini kerana Rusia yang merupakan satu-satunya harapan Serbia untuk menentang Austria-Hungary telah menarik diri.

Selain itu, Serbia juga telah gagal untuk mendapatkan pakatan militeri bersama kerajaan Uthmaniah. Pada November 1908, Serbia telah berusaha untuk membentuk pakatan bersama di antara Serbia, Montenegro dan kerajaan Uthmaniah untuk menentang kerajaan Austria-Hungary. Dalam perjanjian tersebut, mana-mana kuasa yang ditentang oleh Austria-Hungary perlu memberikan bantuan ketenteraan kepada pihak yang satu lagi. Namun begitu, kerajaan Uthmaniah menyedari bahawa Serbia tidak akan membantunya menghadapi perperangan dengan Bulgaria. Ini kerana kedua-duanya adalah negara Slav, sedangkan kerajaan Uthmaniah sendiri sedang menghadapi masalah dengan kerajaan Bulgaria yang telah mengisyiharkan kemerdekaannya daripada kerajaan Uthmaniah pada 6 Oktober 1908. Oleh itu, pakatan

ketenteraan tersebut hanya membawa keuntungan kepada Serbia yang sedang memusuhi Austria-Hungary. Maka, dengan itu, Serbia juga gagal mendapatkan sokongan kerajaan Uthmaniah untuk memihak kepadanya (FO 421/241: 13 November 1908).

Kerajaan Britain juga mengingatkan kepada Serbia bahawa dasar Britain adalah tidak akan campur tangan ke atas masalah Serbia dan Austria-Hungary. Kerajaan Britain tetap tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas Austria-Hungary walaupun tuntutan Serbia untuk mendapatkan konsesi seperti yang dituntutnya itu ditolak oleh kerajaan Austria-Hungary (FO 421/250: 29 Mac 1909). Pada Mac 1909, Serbia terpaksa akur dengan keputusan kuasa-kuasa besar Eropah mengenai status Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayar Austria-Hungary.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan kerajaan Uthmaniah, kerajaan Britain telah menasihati supaya kerajaan Austria-Hungary membayar sejumlah wang kepada kerajaan Uthmaniah sebagai bayaran gantirugi akibat kehilangan wilayah Bosnia-Herzegovina daripada kerajaan Uthmaniah. Walau bagaimanapun, pada awalnya kerajaan Austria-Hungary enggan menerima cadangan tersebut. Namun Austria-Hungary bimbang seandainya berlaku sebarang konflik, Britain akan berada di pihak Uthmaniah. Bagi, Austria-Hungary beliau tidak bimbang dengan kuasa Rusia dan Serbia, tetapi satu-satunya kuasa yang ditakutinya ketika itu adalah sokongan Britain ke atas kerajaan Uthmaniah. Selain itu, kerajaan Austria-Hungary juga bimbang akan mogok yang dilancarkan dalam negara Turki ke atas barang-barang Austria-Hungary berterusan. Ini akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada kerajaannya.

Oleh itu, pada 11 Januari 1909, duta kerajaan Austria-Hungary di Constantinople, iaitu Pallavicini, telah menyatakan persetujuan kerajaannya untuk membayar wang pampasan kepada kerajaan Uthmaniah sebanyak 2,500,000 paun sterling sebagai gantirugi kepada pengambilan wilayah Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary (FO 421/249: 11 Januari 1909). Namun begitu, kerajaannya ingin menyelesaikan isu Bosnia-Herzegovina hanya di antara kerajaannya dengan kerajaan Uthmaniah sahaja, tanpa sebarang persidangan yang membincangkan lagi mengenai isu tersebut dengan mana-mana kuasa besar.

Manakala di pihak kerajaan Uthmaniah pula, pada mulanya, kerajaan Uthmaniah enggan menerima cadangan tersebut, kerana melibatkan maruah dan diplomasi kerajaan Uthmaniah. Menurut Ahmed Reza, Duta kerajaan Uthmaniah, kerajaan Turki tidak akan menerima wang sebagai gantirugi kepada kehilangan wilayahnya itu, melainkan dengan perperangan. Ini disebabkan wilayah Bosnia-Herzegovina adalah hak milik kerajaan Uthmaniah dan bukannya diserahkan untuk diambil alih sepenuhnya oleh kerajaan Austria-Hungary dalam Rundingan Berlin 1878. Namun begitu, Britain menasihati kerajaan Uthmaniah supaya menerima pampasan kewangan yang

diberikan oleh Austria-Hungary kerana sekiranya kerajaan Uthmaniah terlibat dalam perperangan menentang Austria-Hungary dan menang dalam perperangan tersebut, ini tidak akan membawa sebarang keuntungan kepada kerajaan Uthmaniah, sebaliknya hanya mengorbankan harta benda dan kemanusiaan. Ini kerana kuasa-kuasa besar tidak akan mengizinkan kerajaan Uthmaniah memiliki semula wilayah yang telah dimandatkan kepada Austria-Hungary. Oleh yang demikian, wilayah tersebut akan tetap ditadbir dan diduduki oleh Austria-Hungary samada secara kekal atau sementara. Kerajaan Uthmaniah tetap tidak memperolehi sebarang keuntungan sekiranya menolak usul cadangan tersebut (FO 421/249: 7 Januari 1909). Tambahan pula, Bosnia-Herzegovina telah diletakkan di bawah Austria-Hungary sejak 30 tahun yang lalu. Britain sebaliknya menasihatkan kerajaan Uthmaniah supaya menumpukan reformasi dalam negaranya.

Kerajaan Uthmaniah terpaksa akur akan kehilangan wilayahnya itu kepada Austria-Hungary. Maka pada 26 Februari 1909 telah mengiktiraf Bosnia-Herzegovina sebagai hak milik kerajaan Austria-Hungary. Kerajaan Uthmaniah diberi wang pampasan oleh kerajaan Austria-Hungary sebagai gantirugi kepada tindakannya itu. Walau bagaimanapun, kerajaan Britain tetap mengekalkan formaliti dengan menegaskan bahawa wilayah Bosnia-Herzegovina hanya akan disahkan sebagai hak milik Austria-Hungary dengan persetujuan semua kuasa besar yang terlibat. Berkaitan dengan hal ini, semua kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878, telah bersetuju memansuhkan Artikel 25, Perjanjian Berlin yang memberikan pendudukan sementara Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary. Selain itu, masing-masing kuasa besar turut mengesahkan penggabungan wilayah Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary. Jerman telah menyatakan persetujuannya pada 7 April 1909, Itali 11 April 1909, diikuti oleh Britain pada 17 April, kemudiannya oleh Rusia dan Perancis pada 19 April 1909 (Anderson and Hershey: 1918).

## KESAN-KESAN KRISIS BOSNIA 1908

### PERMUSUHAN ANTARA SERBIA DENGAN AUSTRIA-HUNGARY

Kejayaan Austria-Hungary mendapatkan Bosnia-Herzegovina sebagai hak miliknya telah menimbulkan permusuhan yang berterusan di antara kerajaan itu dengan kerajaan Serbia. Kerajaan Austria-Hungary dianggap telah menghancurkan *homogeny* bangsa Serb di Bosnia-Herzegovina. Ini kerana seramai 2,000,000 orang Slav akan berada di bawah pemerintahan empayar Austria-Hungary (FO 371/553 : 13 Oktober 1908).

Selain itu Serbia juga telah kehilangan wilayah Bosnia-Herzegovina untuk selama-lamanya. Ini akan memusnahkan harapan dan impian Serbia ke arah pembentukan Serbia Raya yang telah lama dirancang oleh Serbia. Tanpa Bosnia-Herzegovina yang bersempadan

dengan Serbia, cita-cita tersebut tidak mungkin dapat direalisasikan. Selama ini Serbia sentiasa mencari peluang untuk menggabungkan wilayah Bosnia-Herzegovina dengan Serbia. Oleh itu, tindakan Austria-Hungary ini telah dilihat sebagai ingin menghancurkan perjuangan Serbia selama ini (FO 371/553: 13 Oktober 1908). Walaupun Serbia telah menyatakan pengesahan pemilikan Austria-Hungary ke atas Bosnia-Herzegovina, namun perasaan tidak puas hati dan dendam terhadap kerajaan itu sentiasa membawa dalam kalangan orang Serb di Serbia dan Bosnia-Herzegovina.

Gerakan menentang kerajaan Austria-Hungary menjadi semakin aktif dilakukan oleh sekumpulan pertubuhan yang diwakili oleh orang Serb dan yang disokong oleh kerajaan Serbia di bawah naungan Menteri Pertahanan Serbia (FO 4211/253: 13 Oktober 1909). Anggotanya telah diasuh dan dilatih untuk menyebarkan semangat dan idea Serbia Raya di Bosnia-Herzegovina, Slovenia dan Croatia. Tujuan perjuangan Serbia Raya ini adalah untuk menyatukan ketiga-tiga negeri itu di bawah kerajaan Serbia yang di bawah kedaulatan Raja Serbia, iaitu Raja Karageorgevitch. Mereka menggunakan gereja Ortodoks sebagai pusat bagi menyampaikan khutbah dan ucapan yang memperjuangkan idea tersebut. Ini adalah untuk menyuntik kepercayaan dan semangat dalam kalangan semua rakyat di Bosnia-Herzegovina, termasuk di Croatia dan Slovenia bahawa mereka adalah bangsa yang serumpun dan mempunyai identiti yang serupa. Oleh itu, adalah perlu untuk menyatukan negeri-negeri itu di bawah naungan Kerajaan Serbia.

Selain itu, satu resolusi juga telah diluluskan oleh Serbia untuk memberi pendidikan dan menyediakan rakyat Croatia dan Slovenia mengenai penyatuan negeri-negeri Slav ini. Tujuan Serbia adalah untuk menggabungkan wilayah-wilayah tersebut dengan empayar Serbia Raya yang sedang dirancang (FO 4211/253: 13 Oktober 1909). Bagi mencapai cita-cita tersebut, rakyat di negeri-negeri itu dihasut supaya menentang dan menimbulkan kekacauan terhadap kerajaan Monarki Austria-Hungary. Selain itu, mereka juga telah menjadi pemimpin dalam kalangan rakyat di negeri-negeri tersebut untuk menghancurkan monarki Austria-Hungary dan menghapuskan kedaulatan Raja Austria-Hungary iaitu Raja Francis Joseph (FO 4211/253: 13 Oktober 1909).

Bagi kerajaan Austria-Hungary, kegiatan Serbia ini dipandang sebagai satu pengkhianatan terhadap empayar Austria-Hungary. Kumpulan itu menjadi sasaran utama kerajaan tersebut, kerana perjuangan mereka ini boleh menghancurkan monarki dan kedaulatan Austria-Hungary. Seramai lima puluh tiga orang daripada anggota kumpulan ini telah berjaya ditangkap dan dibicarakan. Mereka yang didapati bersalah telah dijatuhan hukuman penjara dari lima ke dua belas tahun (FO 4211/253: 13 Oktober 1909).

Walau bagaimanapun, tindakan kerajaan Austria-Hungary ini mendapat tindakbalas daripada Belgrade (FO 4211/253: 13 Oktober 1909). Surat khabar di Belgrade telah

mengutuk cara perbicaraan yang dilakukan oleh kerajaan Austria-Hungary ke atas anggota-anggota kumpulan tersebut. Mereka menuduh bahawa cara perbicaraan yang dijalankan begitu ganas. Hukuman yang dijatuhan itu adalah berat dan telah memberikan satu kejutan kepada Belgrade. Mereka berharap Mahkamah Rayuan dapat menukar keputusan hakim dan membebaskan mereka yang tertuduh. Selain itu, media juga memohon agar kesemua mereka diberikan pengampunan oleh Maharaja Austria-Hungary (FO 4211/253: 13 Oktober 1909). Namun begitu, kerajaan Austria-Hungary mendakwa bahawa, kegiatan kumpulan ini amat berbahaya kepada empayar Austria-Hungary. Sekiranya kegiatan mereka tidak dapat ditumpaskan, kumpulan ini boleh menjadi parasit yang akan memusnahkan masa depan kerajaan tersebut (FO 4211/253: 13 Oktober 1909).

Penyatuan Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary ini telah membawa kesan yang lebih buruk dalam hubungan di antara kedua-dua buah kerajaan ini. Situasi ini menunjukkan bahawa permusuhan antara Serbia dan Austria-Hungary adalah begitu ketara. Keamanan atau persefahaman di antara dua buah kerajaan itu adalah sesuatu yang mustahil dan sukar dicapai kerana masing-masing mempunyai kepentingan yang berbeza demi keutuhan dan kekuatan empayar masing-masing.

#### PERSAINGAN KUASA DI ANTARA RUSIA DAN AUSTRIA-HUNGARY DI SEMENANJUNG BALKAN

Penyerahan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary dengan persetujuan M. Isvolsky merupakan detik-detik penting dalam sejarah politik Rusia. Rundingan antara M. Isvolsky dan Aehrenthal di Buclau, sememangnya tidak mewakili pendapat awam dan kerajaan Rusia. Lantaran itu, persetujuan M. Isvolsky menyerahkan bangsa Slav kepada bangsa Magyar di bawah pemerintahan Austria-Hungary mendapat kritikan yang hebat di Rusia.

Kejayaan diplomatik Austria-Hungary ini, telah memalukan imej Rusia yang selama ini dianggap sebagai pembela nasib kaum Slav di Semenanjung Balkan (FO 421/250: 29 Mac 1909). Rusia telah gagal membantu bangsa Slav, terutamanya Serbia untuk menghancurkan gabungan Austria-Hungary dengan Bosnia-Herzegovina. Kegagalan ini merupakan satu penghinaan yang besar kepada Rusia (FO 421/250: 29 Mac 1909). Sebagai balasan, Rusia telah menggiatkan sokongan dan bantuannya kepada Serbia untuk menentang Austria-Hungary. Rusia menjadi tulang belakang kepada permusuhan yang berlarutan di antara Serbia dan Austria-Hungary. Rusia menggalakkan dan memberi sokongan kepada idea Serbia Raya yang diperjuangkan oleh Serbia. Rusia turut menyatakan komitmennya kepada perjuangan Serbia dan berjanji akan membantu Serbia menjayakan cita-cita tersebut.

Rusia juga tidak dapat melupakan peranan Jerman dalam menjayakan cita-cita sekutunya, iaitu Austria-Hungary. Jerman telah mengugut Rusia dengan memberi

kata dua kepada Rusia supaya bersetuju dengan tindakan Austria-Hungary dalam krisis Bosnia-Herzegovina. Oleh itu, Rusia turut menyimpan perasaan dendam terhadap Jerman yang sentiasa berada di belakang Austria-Hungary. Maka, dalam mesyuarat komuniti Slav yang diadakan di St. Petersburg, Rusia telah menyeru kepada semua negeri-negeri Slav di Semenanjung Balkan supaya memboikot perdagangan dengan kerajaan Jerman (Sidney: 1966). Serangan ekonomi ini bertujuan melemahkan pasaran Jerman di Semenanjung Balkan. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa Jerman perlu membayar harga kepada kejayaan Austria-Hungary dan menjadi musuh Rusia akibat krisis Bosnia-Herzegovina 1908.

Manakala dari sudut peribadi pula, krisis Bosnia-Herzegovina ini memaparkan kekalahan diplomatik M.Isvolsky kepada Baron Aehrenthal. Ini telah memberi kesan buruk kepada karier beliau sebagai ahli politik. Beliau sedar bahawa popularitinya di Rusia menurun akibat kegagalannya dalam krisis Bosnia-Herzegovina. Ini menyebabkan tekanan kepada beliau dan menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai Menteri Luar Rusia pada April 1909 (FO 421/250: 1 April 1909). Kesan dari kekalahannya itu juga, Isvolsky berusaha untuk menaikkan imejnya semula dengan mengadakan hubungan yang rapat dengan Britain dan Perancis bagi menghalang perluasan kuasa Austria-Hungary di Semenanjung Balkan. Namun, Britain sukar untuk memberikan kerjasama kepada Rusia dan begitu juga sebaliknya, memandangkan kedua-duanya mempunyai objektif dan hala tuju politik yang berbeza di Semenanjung Balkan.

Keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa ketewasan Rusia dari segi diplomatik dengan Austria-Hungary telah menjayakan cita-cita Austria-Hungary di Semenanjung Balkan. Keadaan ini menjadikan Rusia semakin agresif dalam tindakannya memusuhi Austria-Hungary. Rusia telah memberi sokongan dan mendalangi segala pertubuhan di Serbia untuk menentang kerajaan tersebut bagi menjayakan idea Pan Slav dan Serbia Raya yang diidamkan oleh kerajaan Serbia.

#### KESIMPULAN

Krisis Bosnia-Herzegovina yang melanda Semenanjung Balkan pada tahun 1908, merupakan satu kesinambungan konflik yang sekali lagi melibatkan campur tangan kuasa-kuasa besar di negeri itu selepas krisis Bosnia 1875-1878. Tindakan Aehrenthal mengumumkan penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan empayar Austria-Hungary dilihat penting bagi kewujudan empayar Austria-Hungary pada masa depan di Balkan. Walau bagaimanapun, langkah tersebut telah mengundang persaingan dan perusuhan antara Austria-Hungary dan Rusia di Balkan. Peranan Rusia yang dominan dalam kalangan bangsa Slav, terutamanya di Serbia, Montenegro dan Bulgaria telah memberi ancaman kepada kestabilan politik Austria-

Hungary di Balkan, terutamanya di Bosnia-Herzegovina. Kemuncak kepada persaingan dan perusuhan itu jelas apabila berlakunya pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary di Sarajevo pada Julai 1914 oleh seorang pemuda Serb yang dipercayai dirancang oleh Serbia. Austria-Hungary yang ingin membala dendam terhadap Serbia telah dihalang oleh Rusia yang melindungi Serbia. Akhirnya, ini mencetuskan ketegangan dan perusuhan antara Austria-Hungary dengan Rusia sehingga mengheret mereka ke kancang Perang Dunia I pada 1914, yang kemudiannya turut melibatkan kuasa-kuasa Eropah yang lain.

#### RUJUKAN

- Anderson, F.M. & Hershey, A.S. 1918. *Handbook For the Diplomatic History of Europe, Asia and Africa 1870-1914*. Prepared for the National Board for Historical Service: Washington Government Printing Office, USA.
- Gillard, D. 1984. *British Documents on Foreign Affairs: Reports and Papers from the Foreign Office Confidential Print*. Part 1. Vol.1, 2, 3 & 4. Britain: University Publications of America.
- Gooch & Temperley H.ed.1967. *British Documents on the Origins of the War*. Vol. IV. Johnson Reprint Corporation, USA.
- Sidney, F.B. 1966. *The Origins of the World War: Before Sarajevo*. Vol. 1. New York: The Free Press.

Fail:

- FO 421/244
- FO 421/245
- FO 421/244
- FO 421/244
- FO 421/245
- FO 421/249
- FO 421/244
- FO 371/551
- FO 371/553
- FO 371/551
- FO 371/552
- FO 421/250
- FO 421/244.
- FO 421/241
- FO 4211/253
- FO 421/250

Azlizan Mat Enh  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi  
Selangor, MALAYSIA

Tel: 03-89215465  
Emel: azlizan@ukm.my